

14 SEP 2020 BH 5
Restoran, kedai serbaneka boleh buka sehingga 2 pagi

Kebenaran beri peluang peniaga terjejas sejak PKP

Keputusan KL, Selangor selari pengumuman Menteri Kanan (Keselamatan)

Oleh Muhammad Yusri Muzamir dan Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kedai makan dan kedai serbaneka dalam kawasan seliaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dibenarkan beroperasi sehingga jam 2 pagi, mulai hari ini.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa, berkata ia selari dengan pengumuman Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, Khamis lalu.

"Saya sudah berbincang mengenai perkara ini dengan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham A Dahlan.

"Eloklah beri peluang kepada peniaga yang sudah lama terjejas sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk tambah pendapatan mereka," katanya pada sidang media Program Pengindahan Taman Awam Bukit Kiara di sini, semalam.

Keputusan itu menyusul sehari selepas DBKL memaklumkan semua operasi premis perniagaan di Kuala Lumpur masih dikekalkan sehingga jam 12 tengah



Kebanyakan peniaga restoran terjejas ketika PKP dan peluang melanjutkan operasi premis hingga jam 2 pagi memberi peluang menambahkan pendapatan.
(Foto hiasan)

malam, sepanjang tempoh PKP Pemulihan (PKPP).

Khamis lalu, Ismail Sabri dilaporkan berkata, kedai makan, restoran, dan kedai serbaneka di 24 jam dibenarkan beroperasi sehingga jam 2 pagi.

Di Shah Alam, Selangor turut membuat keputusan yang sama untuk membenarkan semua restoran dan kedai serbaneka di negeri itu beroperasi sehingga 2 pagi, seiring keputusan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

EXCO Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Selangor,



Ng Sze Han

Ng Sze Han, berkata keputusan itu dibuat selepas mengambil kira penularan kes COVID-19 di Selangor terkawal sepanjang pelaksanaan PKPP.

"Kes COVID-19 di Selangor terkawal sepanjang PKPP, kini tiba masa untuk menangani dan memulihkan ekonomi," katanya dalam kenyataan.

Bagaimanapun, Sze Han mengingatkan pengunjung dan pengusaha restoran supaya sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan MKN dan mengamalkan penjarakan fizikal.